

Sikap warga kota tidak bertanggungjawab jadikan longkang tong sampah

Banjir kilat tidak berkesudahan

Oleh SYED AQIB SYED ALI
dan KAMARIAH KHALIDI

berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Banjir kilat yang melumpuhkan sebahagian ibu negara kelmarin adalah disebabkan perbuatan tidak bertanggungjawab masyarakat yang kerap membuang sampah ke dalam longkang sekali gus mengakibatkan aliran air tersumbat.

Pengarah Perancangan Korporat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dr. Ismail Stapa berkata, tinjauan yang dilakukan oleh pihaknya bersama Alam Flora mendapati, banyak sampah menutupi saluran longkang.

"DBKL dan Alam Flora sentiasa bekerjasama dalam memastikan



KERATAN Kosmo! semalam.

kebersihan dan kelancaran saluran longkang di ibu negara.

"Bagaimanapun, jika sikap warga kota yang terus-menerus membuang sampah ke dalam longkang, masalah ini tidak akan berkesudahan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Ismail dalam pada itu berkata, DBKL sentiasa mempunyai perancangan dalam memastikan masalah ini tidak berulang termasuk membesarkan saiz longkang-longkang dan melebarkan jalan di kawasan yang berisiko banjir kilat.

Dalam kejadian kelmarin, banjir kilat melanda ibu negara selama beberapa jam sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas di beberapa jalan utama selain berlakunya tanah runtuh.

Antara kawasan yang ditenggelami air ialah Jalan Kia Peng, Jalan Chan Sow Lin, Kampung Baru, Jalan Ampang, Bukit Bintang dan Jalan Tun Ismail manakala tanah runtuh berlaku di hadapan Kondo Sri Putra Mas di Jalan Duta Mas di sini.



JALAN Ampang dinaiki air disebabkan longkang-longkang sedia ada tersumbat dalam kejadian banjir di ibu kota, Kuala Lumpur kelmarin.